

# >Calon ustazah buru tiket ke Grand Final

**B**IARPUN barisan pelajar yang membarisi skuad Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ini bakal bergelar ustazah, namun situasi itu tidak menghalang hasrat mereka untuk meneruskan perjuangan dalam usaha memburu tiket ke Grand Final, Karnival Futsal i-Metro menerusi saingan Zon Tengah, pada hujung minggu depan.

Kejohanan yang akan berlangsung di HTO de Futsal pada 24-25 Mei adalah percubaan kedua mereka selepas skuad wanita USIM A dan B itu kandas seawal peringkat kumpulan ketika bersaing di Zon Timur, bulan lalu.

Kekalahan itu bagaimanapun tidak sedikitpun melunturkan semangat mereka, malah bagi ketua pasukannya, Amalina Arshad, kekalahan pada percubaan pertama sebenarnya membakar semangat untuk memperbaiki kelemahan.

"Kami akan cuba sedaya



**TAK PATAH SEMANGAT...pasukan A dan B wanita USIM meneruskan saingan kali kedua.**

upaya. Kekalahan sebenarnya memberikan kami banyak pengajaran. Kami akan terus berusaha untuk membuktikan tiada halangan dalam bersukan.

"Selepas tewas ketika di Terengganu, cara permainan kami sudah banyak meningkat. Kami sedar dengan hanya menyertai pertandingan besar seperti i-Metro, kami dapat belajar daripada kesilapan," katanya.

Masih mendapat bimbingan jurulatih, Asrul Kamarulzaman serta sokongan Pegawai Sukan USIM, Nurikmal Bukhary, skuad wanita itu menjalani latihan tiga kali

seminggu bagi memantapkan lagi serangan dan pertahanan.

Katanya, skuad ini sekali lagi menasarkkan untuk melayakkan diri ke Grand Final dan jika berjaya direalisasikan ia adalah kejayaan tertinggi yang pernah dicapai oleh wanita dalam lingkungan umur 20-22 tahun itu.

"Kami sudah sedia menyahut cabaran dan kami tidak gentar biarpun tewas sekali lagi dalam pertandingan ini. Apa yang penting adalah kami terus mencuba memperbaiki semua kelemahan," katanya.